

PM: GLC pastikan pengeluaran makanan negara cukup

UM - 14/6/2022 v/s: 3

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM

maisarah.rahim@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLC) akan memainkan peranan dalam memastikan kualiti, kuantiti dan pengeluaran hasil makanan negara berada di tahap optimum.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, sebagai contoh bekalan dan harga ayam dapat dikawal sekiranya agensi kerajaan berkenaan terlibat dalam ekosistem industri penternakan bermula daripada membekal anak ayam, makanan, pengangkutan, pemasaran dan sebagainya.

Menurut beliau, kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri akan dipertingkatkan dalam usaha meningkatkan keluasan tanah bagi kegunaan pertanian sekali gus mengurangkan kebergantungan terhadap import makanan.

“Perkara ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut dalam mesyuarat dengan Menteri Besar dan Ketua Menteri dalam masa terdekat.

“Kerjasama awam dan swasta dipertingkatkan bagi memberi fokus terhadap usaha modenisasi dan menggalakkan pertanian pintar dalam meningkatkan hasil pertanian. Inisiatif ini akan disokong melalui usaha menyatukan tanah ladang, tanah terbiar dan tanah wakaf,” katanya dalam kenyataan semalam.



SYARIKAT pelaburan berkaitan kerajaan perlu memainkan peranan memastikan bekalan makanan di negara ini stabil dan mencukupi.

Terdahulu, beliau memengerusikan mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi (EAC) berkaitan sekuriti makanan yang turut bersetuju memperkenalkan harga siling bergerak yang berubah kepada faktor harga input.

Ini seiring dengan perancangan bantuan terus bersasar kepada golongan yang memerlukan seperti yang diumumkan sebelum ini.

Ismail Sabri berkata, kerajaan turut memastikan hasil pertanian mempunyai pasaran seperti menggalakkan ladang kontrak di mana peladang dan petani tidak mempunyai masalah untuk memadankan

pengeluaran hasil pertanian dengan permintaan pasaran.

Katanya, kerajaan melalui Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAHA), akan terus berusaha memodenkan peraturan-peraturan berkaitan perniagaan bagi melonjak produktiviti dan daya saing negara.

Mesyuarat berkenaan juga bersetuju memperkukuhkan pelaksanaan MyMudah di semua kementerian, agensi Persekutuan, negeri, pihak berkuasa tempatan (PBT) serta persatuan perniagaan.

Selain itu, program uji kaji peraturan yang dikelola oleh Unit-Unit MyMudah dirancang

kan dengan sasaran penyelesaian isu dalam tempoh 60 hari berbanding dengan 6 hingga 12 bulan sebelum ini.

Jelas Perdana Menteri, temuduga pekerja asing akan dilaksanakan di negeri-negeri berbanding hanya di pusat sehenti (OSC) Kementerian Sumber Manusia, Putrajaya dan kerajaan akan memperkasakan OSC melibatkan semua kementerian dan agensi berkaitan proses masuknya pekerja asing.

Seterusnya, bagi menangani isu kekurangan tenaga kerja mahir yang serius dalam sektor elektrik dan elektronik (E&E), kerajaan bersetuju melaksanakan ‘Program Train & Place’ untuk Jurutera & Juruteknik’ kepada 1,000 jurutera dan 1,000 juruteknik dan memperbaiki serta mempercepat mekanisme pengambilan ekspatriat dan pekerja asing.

“Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dan Kementerian Sumber Manusia (KSM) akan menyelaras dengan Persatuan Industri Semikonduktor Malaysia (MSIA) untuk segera menangani isu kekurangan tenaga kerja ini.

“Kerajaan komited terhadap kajian yang berdaya maju dan berpotensi untuk dimanfaatkan secara strategik mendepani cabaran global bagi menjamin ekosistem sekuriti makanan lebih inklusif dan menyeluruh demi kesejahteraan Keluarga Malaysia,” katanya.